

<b>TAJUK</b>	<b>DASAR PENYELENGGARAAN GELANGGANG AWAM DI ATAS KAWASAN LAPANG SELENGGARAAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI</b>
<b>DILULUSKAN/ DISAHKAN DALAM</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN, PEMBANGUNAN DAN PENGINDAHAN BIL. 07/2013 BERTARIKH 16 JULAI 2013</b>
<b>TARIKH KUATKUASA</b>	<b>16 JULAI 2013</b>

## 2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Jabatan Landskap sering menerima permohonan bagi menyelenggara kemudahan gelanggang – gelanggang awam sediada yang terdapat di kawasan lapang dalam taman – taman perumahan seluruh Seberang Perai.
- 2.2 Permohonan-permohonan ini dikemukakan oleh RA / RT / JK / KKK atau individu – individu awam bagi memenuhi keperluan rekreasi di sesuatu kawasan lapang.
- 2.3 Satu kertas mesyuarat telah pun dibentangkan dalam Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan Dan Pengindahan Bil 3 / 2013 bertarikh 8 Mac 2013 bagi mengkaji keperluan penyelenggaraan ke atas gelanggang – gelanggang ini.
- 2.3 Beberapa siri perbincangan juga turut telah diadakan antara Majlis (Jabatan Landskap, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancang, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta) dengan Pejabat Daerah Dan Tanah SPU, SPT dan juga SPS pada 18 April 2013 dan 23 Mei 2013 bagi membincangkan perkara ini.

### 3.0 ISU

- 3.1 Berdasarkan rekod semasa, gelanggang-gelanggang awam sediada yang telah dibina sehingga Jun 2013 adalah seperti di Jadual 1.

Daerah	Badminton	Sepak Takraw	Bola Keranjang	Tenis	Bola Tampar	Jumlah
<b>SPU</b>	1	14	6	0	2	<b>23</b>
<b>SPT</b>	12 (9)	27 (7)	21 (11)	2 (1)	4 (0)	<b>66 (28)</b>
<b>SPS</b>	2	7	5	1	0	<b>15</b>
<b>Jumlah</b>	<b>15 (12)</b>	<b>48 (28)</b>	<b>32 (22)</b>	<b>3 (2)</b>	<b>6 (2)</b>	<b>104 (66)</b>

Jadual 1

**Nota:** Bilangan di dalam kurungan merupakan jumlah bilangan gelanggang ketika pembentangan bertarikh 8 Mac 2013

- 3.2 Kesemua gelanggang-gelanggang awam sediada ini telah dibina di atas kawasan lapang (yang telah diserahkan pada Kerajaan Negeri) dengan menggunakan peruntukan YB kawasan dan ianya dilaksanakan tanpa kelulusan Majlis (tidak dinyatakan di atas Pelan Landskap).
- 3.3 Perlaksanaannya dikawalselia oleh Pejabat Daerah Dan Tanah (SPU/SPT/SPS) namun setelah siap dibina, gelanggang – gelanggang ini tidak diselenggara secara berterusan oleh pihak tersebut kerana kos penyelenggaraan yang tinggi.
- 3.4 Antara kerosakan yang dikenalpasti memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan adalah lantai gelanggang retak, tidak mempunyai ‘gradient’, garisan gelanggang yang pudar serta jaring / tiang yang rosak / hilang.

#### **4.0 ASAS PERTIMBANGAN**

- 4.1 Sebagai rekod, Majlis telah mengambil langkah proaktif untuk menyelenggara 32 buah gelanggang awam sediada yang telah dikenalpasti memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan seperti mana keputusan Majlis Penuh Bil 03 / 2013 bertarikh 28 Mac 2013.
- 4.2 Gelanggang – gelanggang ini telah dibina di atas kawasan – kawasan lapang yang telah diserahkan pada Kerajaan Negeri di mana Setiausaha Kerajaan dilantik sebagai Pegawai Pengawal dan agensi penyelenggara adalah Majlis Perbandaran Seberang Perai.
- 4.3 Atas faktor tersebut, satu garis panduan telah disediakan seperti berikut bagi menyelaraskan kerja-kerja penyelenggaraan di antara Majlis dengan Pejabat Daerah Dan Tanah (SPU/SPT/SPS) :
  - i. Penyelenggaraan hanya akan dilaksanakan pada gelanggang – gelanggang yang dibina di atas kawasan lapang yang ditentukan / diluluskan dalam Pelan Kebenaran Merancang (kawasan lapang yang diserahkan pada Kerajaan Negeri sahaja).
  - ii. Majlis tidak akan menyelenggara sebarang struktur gelanggang awam yang dibina tanpa kelulusan Majlis.
  - iii. Gelanggang awam yang dibina tanpa kelulusan Majlis hendaklah diselenggara oleh Pejabat Daerah Dan Tanah (SPU/SPT/SPS).
  - iv. Permohonan bagi pembinaan gelanggang awam yang baru oleh Yang Berhormat / Pejabat Daerah Dan Tanah serta lain-lain komponen diatas kawasan lapang (yang diserahkan pada Kerajaan Negeri) hendaklah dikemukakan kepada Majlis untuk kelulusan.
  - v. Permohonan tersebut akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan Dan Pengindahan. Ianya hendaklah mengandungi:-
    - Pelan lokasi / tapak
    - Kos projek dan pembiayaan oleh Yang Berhormat yang terlibat
    - Pihak yang akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi gelanggang tersebut
    - Pelan / Butiran gelanggang mengikut piawaian Majlis Sukan Negeri seperti di Jadual 2
    -

Bil	Jenis Gelanggang	Saiz
1	Futsal	Minimum - Lebar 15m X Panjang 25m Maksimum - Lebar 25m X Panjang 42m
2	Sepak Takraw	Lebar 6.1m X Panjang 13.4m
3	Badminton	Lebar 9m X Panjang 18m
4	Bola Keranjang	Lebar 14m X Panjang 25.9m
5	Bola Tampar	Lebar 9.1m X Panjang 18.3m
6	Bola Jaring	Lebar 15.2m X Panjang 30.4m
7	Tenis	Lebar 11m X Panjang 23.8m

**Jadual 2**

- vi. Sebarang kelulusan bagi sesuatu permohonan (yang dibuat terus kepada Majlis) adalah bergantung pada peruntukan Majlis.
- vii. Pembinaan gelanggang di atas tanah persendirian perlu dikemukakan pelan kepada MPSP disertakan dengan surat persetujuan tuan tanah untuk kelulusan.
- viii. Pembinaan gelanggang yang melibatkan tanah hak milik MPSP perlu dirujuk terlebih dahulu kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPSP untuk tujuan pertimbangan dan kelulusan.

## 6.0 SYOR

Berdasarkan keterangan diatas adalah disyorkan supaya penyelenggaraan bagi gelanggang – gelanggang awam sediada dilaksanakan mengikut cadangan garis panduan seperti di para 4.3 (perkara i hingga viii)